

Kompleks Penyayang Bakti siap Mei

BH - 8 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Pembinaan Kompleks Penyayang Bakti dekat sini yang berharga kira-kira RM6.6 juta dijangka siap Mei ini, selepas penangguhan pembinaannya kerana faktor cuaca dan persekitaran.

Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ketika melawat tapak projek itu berkata, projek kerkenaan adalah perkongsian usaha antara kerajaan melalui Ke-

menterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Bakti serta Kumpulan Yarisan.

"Kompleks ini akan diserahkan kepada Bakti sebelum diserahkan di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat Mei depan," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau kemajuan projek itu Bandar Sri Damansara di sini, hari ini.

Beliau yang juga isteri Perdana Menteri berkata, kompleks itu akan memuatkan 14 bangunan setingkat, satu dewan serbaguna dua

tingkat dan enam pondok kecil berkonsepkan kampung penyayang dan akan menempatkan warga tua, ibu tunggal dan kanak-kanak bermasalah.

"Konsep ini membolehkan kanak-kanak bermasalah dijaga oleh ibu tunggal. Kanak-kanak ini sama ada yang dihantar oleh ibu bapa yang kurang berkemampuan atau atas perintah mahkamah," katanya.

Kompleks itu didirikan di tapak seluas 11 hektar terletak di Bandar Sri Damansara, dengan 4.5 hektar daripadanya dijadikan dusun semen-

tara RM5.5 juta daripada RM6.6 juta bagi kos pembinaannya ditaja Kumpulan Yarisan.

Kompleks itu yang kini siap hampir 70 peratus akan memiliki sebuah taman asuhan harian untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun dan pusat jagaan harian untuk warga tua.

Dr Siti Hasmah berkata, konsep kompleks penyayang seperti ini mungkin akan dibuat di negeri lain juga jika Kompleks Penyayang Bakti ini berjalan dengan lancar.